

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

**Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff
Nordin Ahmad**



MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

Editor :

Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yusoff

Nordin Ahmad

Editor Bersama :

Ahmad Yussuf

Muhamad Alihanafiah Norasid

Selamat Amir

Adama Bamba

Mohd Zainudin Wan Yusoff

Sukhairu Sulaiman

Darul Quran JAKIM

Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

© Hak Cipta Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Centre of Quranic Research (CQR) 2016.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara gambar atau rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Darul Quran JAKIM dan Centre of Quranic Research (CQR) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-43708-1-7

Editor : Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Nordin Ahmad

Editor Bersama : Ahmad Yussuf, Selamat Amir, Muhamad Alihanafiah Norasid, Adama Bamba, Mohd Zainudin Wan Yusoff, Shahrulkarnain Mohd Nazir, Sukhairu Sulaiman

Diterbitkan oleh :

DARUL QURAN JAKIM

Jalan Hamzah, Ampang Pecah

44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Tel : 03 6036 5333

Dengan kerjasama :

CENTRE OF QURANIC RESEARCH (CQR)

Level 13, Wisma R&D University of Malaya,

Jalan Pantai Bharu 59990 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 03 2246 3340/ 03 2246 3342

KANDUNGAN

Prakata	4
Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz Di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih	5
Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Ta‘Alim, Kg. Tengah, Kluang	10
Pengayaan, Pengukuhan Dan Pemulihan Dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Qur'an: Kajian Di Beberapa Sekolah Tahfiz Terpilih Di Kelantan	23
Metod Pengajian Tahfiz Di Singapura: Kajian Darul Quran Singapura	35
Hafazan Al-Quran Di USIM Dan UKM: Kajian Terhadap Silibus Takhasus Al-Quran Dan Sunnah.....	46
Kesan Bacaan atau Hafazan Al Quran Terhadap Kesihatan dan Tahap kecerdasan	55
Inovasi Modul Hafazan Al Quran Berkonsepkan Neurofisiologi (Nadi Al Baghdadi).....	61
Sistem Kawalan Kualiti Huffaz.....	65
Kaedah Pentaksiran Dalam Pendidikan Tahfiz : Ke Arah Melahirkan Huffaz Berkualiti Tinggi	72
Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) Di MRSM Ulul Albab	76
Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia	87
Program Persijilan Takhassus Al-Quran Dan Pra Tahfiz (START): Pengalaman Pusat Islam Universiti Sains Malaysia	97
Amalan Spritual Menghafaz Al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar IMTIAZ Negeri Terengganu.....	103
Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur	116
Metode Menghafal Al-Qur'an Saat Kuliah	129
Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip Dan Kaedah Dalam Membina Kurikulum Tahfiz Al-Quran.	145
Kaedah Hafazan Al-Quran Deobandy Di Malaysia: Satu Analisis	154
Sistem Pendidikan Dan Pengajaran Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Inovasi Di Kolej Permata Insan	161
Sumbangan Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman Dalam Pengajaran Golongan Hafiz Al-Quran.....	173
Cabar Pengajian Golongan Hafiz Al-Quran Di Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan Di Malaysia	183
Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran	194
Penghayatan Konsep Hamlah Al-Quran Dari Perspektif Adab Dan Akhlak Dalam Kalangan Huffaz: Satu Kajian Untuk Pengukuhan Hafazan	202
Method Of Al-Quran Memorization Reinforcement Sulaimaniyyah Technique	218

PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. di atas penerbitan buku “Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran” yang dilancarkan bersempena dengan Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016 yang berlangsung pada 22-24 November 2016M / 22-24 Safar 1438H di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Sesungguhnya penerbitan buku ini adalah hasil usaha gigih pihak Darul Quran JAKIM dan Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya Kuala Lumpur untuk mengembangkan lagi ilmu dalam bidang pendidikan Tahfiz al-Quran.

Buku ini telah berjaya menampilkan hasil penulisan tokoh-tokoh akademik dari pelbagai negara yang sudi berkongsi kepakaran mereka dalam memartabatkan bidang pendidikan Tahfiz al-Quran di negara.. Bidang kajian yang diketengahkan dalam buku ini adalah bertemakan pendidikan Tahfiz al-Quran yang merangkumi kaedah hafazan, kaedah mengingat, mengekalkan hafazan, penilaian hafazan dan banyak lagi.

Peranan para pendidik tidak hanya terbatas di bilik-bilik kuliah sahaja, bahkan sudah tiba masanya para pendidik meneroka kaedah-kaedah baru dalam menggalakkan masyarakat berdamping dengan al-Quran dan meningkatkan penguasaan golongan hafiz dan hafizah dalam hafazan mereka dan mampu bersaing dalam apa jau bidang yang diceburi.

Adalah diharapkan hasil penulisan yang terkandung dalam buku ini akan menjadi rujukan dan menambah pengetahuan bagi pencinta ilmu al-Quran.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan bahan penulisan yang berkaitan, sehingga terhasilnya buku ini. Ucapan tahniah dan syabas ditujukan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus mengorbankan masa dan tenaga dalam menjayakan Simposium Pendidikan Tahfiz Antarabangsa ini.

Editor

**PELAKSANAAN MATA PELAJARAN HIFZ AL-QURAN BERDASARKAN
KURIKULUM TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN AGAMA KUALA LUMPUR**

Dr. Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah¹

Rabi'atul Athirah Muhamad Isa²

Dr. Rosma Osman³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian ini melibatkan 210 orang responden yang terdiri daripada pelajar Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Instrumen soal selidik mengandungi tiga komponen: objektif, keperluan dan kesesuaian diedarkan kepada pelajar. Data daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk menganalisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian menunjukkan ketiga-tiga komponen iaitu objektif, keperluan dan kesesuaian dalam pelaksanaan mata pelajaran hifz al-Quran berdasarkan kurikulum tahfiz model Ulul Albab (TMUA) berada pada tahap tinggi. Melalui kajian ini, diharap dapat mengukuhkan lagi kurikulum TMUA serta dapat dikembangkan lagi dapatkan dari aspek kandungan input dan output supaya kurikulum ini mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, rohani dan akhlaknya.

Kata kunci: Pelaksanaan, Mata Pelajaran Hifz Al-Quran, Kurikulum, Tahfiz Model Ulul Albab

PENDAHULUAN

Sejak belakangan ini, pengajian dalam bidang tafhiz al-Quran semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ini terbukti daripada jumlah bilangan permohonan calon-calon untuk memasuki institusi dan pusat tafhiz setiap tahun amat mengalakkkan samaada di pusat-pusat tafhiz dan maahad tafhiz swasta atau di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan. Situasi ini berbeza dari keadaan di awal kemunculannya kerana ketika itu pengajian tafhiz dilihat sebagai terasing dan tidak menjanjikan peluang pekerjaan meskipun pada hakikatnya masyarakat Islam di Malaysia telah lama diperkenalkan dengan pengajian al-Quran sejak Islam mula bertapak di tanah nusantara sekian masa dahulu. Permintaan yang tinggi ini juga telah mendapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan perkembangan kurikulum tafhiz berjalan dengan seimbang di negara ini. Justeru itu, pada 7 Disember 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab bermula tahun 2014. Pada peringkat awal, Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab diperkenalkan di tiga buah sekolah yang dipilih untuk melaksanakan kurikulum ini⁴.

¹ Penulis ialah pensyarah kanan di Jabatan Kurikulum dan Pengajaran, Fakulti Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

² Beliau ialah graduan sarjana daripada Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

³ Beliau ialah Ketua Jabatan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bilangan 1.

Objektif utama pelaksanaan kurikulum ini adalah untuk melahirkan ahli professional, teknokrat, usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah. Selain itu, pelaksanaan kurikulum ini juga adalah untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlaq mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan Negara¹.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab telah memasuki tahun ketiga pada tahun 2016. Pencapaian pelajar pada masa ini masih berada pada tahap yang rendah kerana jumlah peratusan yang tidak dapat menamatkan kandungan atau sukatan hafazan yang telah ditetapkan masih tinggi.

Walaupun Laporan Penaziran Akademik KPM terhadap beberapa sekolah Tahfiz Model Ulul Albab mendapati sistem pengajaran dan pembelajaran adalah memuaskan dan mengikut sistem yang ditetapkan namun pencapaian pelajar masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru kajian terperinci terhadap pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran wajar dilakukan dan dilihat sebagai satu keperluan dalam mengukuhkan bidang pendidikan tafsir al-Quran di Malaysia².

Terdahulu, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian lepas berkenaan dengan bidang tafsir ini. Antaranya ialah kajian Misnan dan Ahmad Sadadi³ yang menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum tafsir ini berhadapan dengan permasalahan pelajar yang tidak mempunyai strategi, kaedah dan motivasi di dalam pembelajaran tafsir al-Quran. Pelajar juga tidak memahami terjemahan dan maksud ayat al-Quran yang dihafaz. Pencapaian pelajar dalam tafsir al-Quran mendapati bahawa 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester.

Manakala kajian lain turut menyatakan pencapaian yang lemah dalam hafazan al-Quran adalah berpuncu daripada faktor pelajar tidak mengetahui kaedah yang sistematik dalam memelihara hafazan al-Quran⁴. Begitu juga kajian Azmil Hashim⁵ menilai pencapaian pelajar tafsir di Darul Quran dan MTQN, mendapati bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tafsir yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatkan ujian syafawi jelas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar terhadap kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Begitu juga dengan hasil dapatan ujian kefahaman menunjukkan kefahaman pelajar dan kemahiran pelajar mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum atau maudu masih lemah. Begitu juga dengan pencapaian pengekalan terhadap hafazan menunjukkan masih berada pada tahap yang lemah. Faktor yang telah dikenalpasti punca kelemahan dalam pencapaian tafsir ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tafsir dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam

¹ Idea ini mula dilaksanakan secara rasminya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKA) bermula pada 16 Januari 2014 dengan pengambilan pertama seramai 150 orang pelajar dan 15 orang guru. Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Program Ulul Albab yang berasaskan pendekatan Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016.

² Laporan Penaziran Akademik KPM, 2015.

³ Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. 2003. *Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.

⁴ Fatahurrahman Mohd Hafid. 2005. Tahap kualiti hafazan al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Satu kajian ke atas pelajar semester enam Darul Quran. Projek Penyelidikan Darul Quran.

⁵ Azmil Hashim. 2010. *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Tahfiz di Institusi Tahfiz di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

proses pengajaran dan pembelajaran tahniz walaupun mereka bersetuju dengan berkeyakinan penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran¹.

Manakala berkaitan faktor amalan pengajaran dan pembelajaran tahniz, kajian Abdul Hafiz² menjelaskan bahawa kaedah menulis ayat dan kaedah memahami ayat al-Quran kurang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahniz al-Quran. Dalam kajian lain Abdul Hafiz³ dan Mohamad Marzuqi⁴ pula menegaskan amalan proses pengajaran dan pembelajaran tahniz al-Quran yang merangkumi talaqqi, i'adah, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar merupakan kaedah yang kurang diperlakukan dalam pengajaran dan pembelajaran tahniz al-Quran. Kaedah tasmik dan kaedah penulisan ayat menunjukkan keputusan yang tertinggi di dalam keberkesanan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran tahniz al-Quran. Manakala amalan proses pengajaran secara tasmik, talaqqi, dan i'adah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian hafazan al-Quran⁵.

Melalui pelaksanaan Tahniz Model Ulul Albab (TMUA) ini, timbul persoalan, sejauh manakah pemahaman pelajar tentang kurikulum yang baru diperkenalkan ini khususnya dalam mata pelajaran Hifz Al-Quran? Sejauh manakah mata pelajaran ini dapat memberikan impak yang positif kepada para pelajar? Adakah pelajar menerima mata pelajaran ini hanya sebagai salah satu mata pelajaran yang diajarkan di sekolah? Adakah mereka hanya menghafaz al-Quran semata-mata tanpa menghayati konsep dan memenuhi beberapa kriteria sukanan hafazan yang diberi? Bagaimanakah pelaksanaan mata pelajaran Hifzul al-Quran dan bagaimanakah pencapaian pelajar? Mutu pengajaran guru Hifz al-Quran juga perlu ditingkatkan kepada tahap yang lebih cemerlang agar kelas Hifz al-Quran tidak dilihat sebagai kelas yang membebankan serta menekan para pelajar.

Dalam penyelidikan ini, pengkaji mengfokuskan kajian terhadap tiga komponen: objektif, keperluan dan kesesuaian dalam pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahniz Model Ulul Albab (TMUA). Pengkaji juga menghuraikan konsep TMUA yang menggabungkan Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Bersepadu Tahniz (KBT) serta model TMUA tersendiri yang merangkumi mata pelajaran Hifz al-Quran iaitu menghafaz 30 juzuk berdasarkan sukanan tertentu mengikut tingkatan masing-masing serta memahami makna ayat al-Quran yang dihafaz.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai tiga komponen: objektif, keperluan dan kesesuaian pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahniz Model Ulul Albab. Secara terperinci objektif ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti objektif mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahniz Model Ulul Albab.
2. Mengkaji keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahniz Model Ulul Albab.

¹ Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahniz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

² Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.

³ Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. 2003. *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.

⁴ Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Ibid.

⁵ Abdul Hafiz Abdullah, et.al 2005. Ibid.

3. Mengenalpasti kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran dari segi konteks dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini telah menjawab persoalan sejauh manakah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab? Persoalan ini dijawab melalui tiga soalan berikut:

1. Apakah objektif mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?
2. Sejauh manakah keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?
3. Sejauh manakah kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

TINJAUAN LITERATUR

Tahfiz Model Ulul Albab ini adalah sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk melahirkan golongan profesional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran. Pada mulanya, kurikulum ini adalah yang diguna pakai di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Selepas SAR dan SAN didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), KPM mendapati kurikulum dini dan kurikulum tahfiz yang dilaksanakan SABK tidak seragam sehingga menimbulkan kesukaran dalam menyelaras program pendidikan di SABK, meliputi pengagihan jumlah waktu mengajar, bantuan perkapita, bantuan mata pelajaran dan latihan guru. Rentetan itu, satu saranan supaya kurikulum dini dan kurikulum tahfiz di SABK diselaras dan dijadikan Kurikulum Kebangsaan ketika Seminar Pemantapan Kurikulum SABK peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Disember 2008 di Port Dickson, Negeri Sembilan¹. Akhir sekali, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-204, Bil 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 bersetuju dengan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2014 dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)².

KONSEP TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

Tahfiz Model Ulul Albab ini merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu:

1. Pendekatan Quranik

Pendekatan Quranik merupakan kaedah bagi membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah.

2. Pendekatan Ensiklopedik

Pendekatan ensiklopedik merupakan kaedah bagi menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa serta berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya.

¹ Cadangan penyelarasan kurikulum ini juga disepakati pada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-86 di Kangar pada 27 Mei 2011. Seterusnya, pada 4 Disember 2012, mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah bersetuju menamakan kurikulum baharu ini sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

² Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016.

3. Pendekatan Ijtihadik

Pendekatan ijtihadik merupakan satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikiran aras tinggi secara kreatif dan inovatif. Pelajar diberi peluang untuk menyetai dan memimpin memimpin kegiatan kurikulum dengan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak di samping bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat. Antara aktiviti kurikulum yang dicadang untuk dilaksanakan berdasarkan kemampuan sekolah ialah berkuda, berenang, memanah, robotik dan avionic¹.

OBJEKTIF TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab dilaksanakan bagi mencapai objektif melahirkan modal insan yang mampu:

1. Menghafaz 30 juzuk al-Quran.
2. Profesional yang mempunyai asas keagamaan yang mantap berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.
3. Berketrampilan, berwibawa dan berkepimpinan.
4. Memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif.
5. Boleh menjalankan hubungan dengan Allah Ta’ala, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN HIFZ AL-QURAN DALAM KURIKULUM TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

Hifz al-Quran ialah mata pelajaran yang mengkehendaki murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah di bawah bimbingan guru tahfiz menurut sukatan tertentu pada setiap tahun. Setiap tahun murid dikehendaki menghabiskan sukatan atau *muqarrar* yang telah ditetapkan². Jadual 1 di bawah menunjukkan pembahagian sukatan hafazan yang perlu dikuasai oleh pelajar mengikut tempoh yang dicadangkan.

Jadual 1: Sukatan Juzuk Yang Dihafaz Pelajar Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Sukatan
Tingkatan Satu	6 Juzuk
Tingkatan Dua	7 Juzuk
Tingkatan Tiga	6 Juzuk
Tingkatan Empat	7 Juzuk
Tingkatan Lima	4 Juzuk

Langkah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran merangkumi aktiviti yang telah disusun seperti berikut:

1. *Tahriri* hafazan iaitu aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan *tasmik*

¹ Ibid.

² Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016.

2. Hafazan Baharu ialah aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik (memperdengarkan hafazan) pada keesokan hari
3. *Tahdhir pula ialah aktiviti menyemak dan memperkuuh ayat-ayat hafazan baharu murid di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti tasmik.*
4. *Tasmik pula ialah aktiviti murid memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu.*
5. *Murajaah adalah aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz murid di hadapan guru secara individu.*
6. *Fiqh al-Ayat adalah matlamat terpenting iaitu pelajar dapat menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz¹.*

Pelaksanaan *Tahriri Hafazan* dan *Hafazan Baharu* pula bermula pada jam 7.30 malam hingga 9.30 malam. Kesemua aktiviti ini adalah di bawah bimbingan guru tahniz dengan nisbah seorang guru untuk 30 orang pelajar (1:30). Antara tugas yang perlu dipantau oleh guru tahniz ini ialah memastikan setiap pelajar menulis dan menghafaz ayat-ayat *Hafazan Baharu* sebanyak satu muka surat. Guru tahniz ini juga berperanan sebagai tempat rujukan murid untuk menyemak bacaan secara seorang demi seorang semasa aktiviti *Tahriri* dan *Hafazan Baharu*. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Beberapa kajian tentang penilaian pelaksanaan kurikulum tahniz al-Quran di Malaysia melibatkan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (DQ JAKIM) dan Maahad Tahniz Al-Quran Negeri (MTQN) berdasarkan Model Penilaian Stufflebeam (2003) telah dijalankan. Menurut Azmil Hashim (2010), dapatan kajian menunjukkan elemen penilaian konteks berada pada tahap tinggi. Dapatkan kajian penilaian input berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan penilaian proses pula mendapat hanya elemen adab-adab pengajaran dan pembelajaran tahniz berada pada tahap tinggi. Elemen strategi, kaedah, teknik, aktiviti-aktiviti, kaedah penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran tahniz berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini menggabungkan bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif.

Kajian Norhazriah (2012), iaitu kajian tentang program Ulul Albab di Sekolah Menengah Imtiyaz, Terengganu melihat bagaimana corak program Ulul Albab ini dilaksanakan dalam usaha mentransformasikan pendidikan di Malaysia. Kajian ini mendapat perkembangan program Ulul Albab ini jelas menunjukkan sambutan yang positif daripada masyarakat luar. Kekuatan dan kelemahan program Ulul Albab ini jelas disenaraikan untuk penambahbaikan program ini di Malaysia. Dapatkan kajian menujukkan perkembangan yang baik dan terancang terhadap keseluruhan program ini. Kajian turut mencadangkan supaya program seumpama ini turut diselaraskan terhadap sekolah-sekolah terpilih di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebelum itu, Muhamadi Mustaffa² (2010), membincangkan tentang hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar di Maahad Tahniz Pulai Chondong mendapat para pelajar yang menghafal al-Quran mendorong kecemerlangan dalam bidang-bidang yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah memilih kajian kuantitatif berbentuk deskriptif sebagai reka bentuk kajian kerana bertepatan dengan objektif kajian ini dan bersesuaian untuk populasi dan sampel yang ramai. Populasi merujuk kepada seluruh kumpulan yang dikaji (Chua Yan Piaw, 2006). Sampel kajian ini

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016.

² Muhamadi Mustaffa, 2010), *Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan pelajar di Maahad Tahniz Pulai Chondong*.

melibatkan 210 pelajar Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Rasionalnya pengkaji memilih populasi dalam kalangan pelajar Ulul Albab sekolah ini kerana para pelajar telah melalui proses sebenar pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang hendak dikaji. Ini disebabkan SMKAKL juga merupakan sekolah perintis yang terpilih melaksanakan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pensampelan berkebarangkalian di mana para pelajar ini dipilih secara rawak untuk menjawab soalan soal selidik yang disediakan. Pengkaji mengedarkan 210 set borang soal selidik kepada semua responden yang dipilih secara rawak daripada 450 orang pelajar Ulul Albab. Bilangan responden seramai 210 orang amat munasabah berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang diambil dalam Chua Yan Piaw (2006). Pemilihan jumlah sampel yang tepat dapat memberikan gambaran sebenar, memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi tersebut. Kesemua instrumen telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan untuk memastikan kesemua instrumen ini dapat mengukur dan menjawab persoalan kajian yang dijalankan.

Data kajian yang diperolehi dalam bentuk kuantitatif dari data soal selidik pelajar ini dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*) untuk memperolehi kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Pengkaji menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan jadual interpretasi Min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally¹. Interpretasi terhadap Min disusun mengikut turutan menurun dari Min yang paling tinggi hingga kepada Min yang paling rendah. Pengkaji kemudian membuat rumusan kepada dapatan hasil kajian yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, sebanyak 210 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Satu, Dua dan Tiga program Ulul Albab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Pengkaji membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Penganalisisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Taburan responden mengikut tingkatan adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Tingkatan

Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Jumlah
59	91	60	210
(28.1)	(43.3)	(28.6)	(100)

Berdasarkan Jadual 2, responden yang paling ramai terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua iaitu sebanyak 91 orang (43.3%) diikuti dengan pelajar Tingkatan Tiga iaitu seramai 60 orang (28.6%) dan akhir sekali, pelajar Tingkatan Satu iaitu seramai 59 orang (28.1%).

Dapatan soal selidik juga telah mengkategorikan pencapaian juzuk terkini pelajar. Jadual 3 menunjukkan taburan prestasi pencapaian juzuk para pelajar Ulul Albab.

¹ Nunally, J. C. (1978). *Psycometric theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Pencapaian Juzuk

Juzuk (1-5)	Juzuk (6-12)	Jjuzuk (13-18)	Juzuk 18 ke atas	Jumlah
83 (39.5)	109 (51.9)	13 (6.2)	4 (1.9)	209 (100)

Berdasarkan Jadual 3, responden yang paling ramai terdiri daripada pelajar yang menghafaz dalam lingkungan juzuk enam hingga dua belas iaitu seramai 109 orang. Peratusan kedua tertinggi adalah pelajar yang menghafaz dari juzuk satu hingga lima iaitu sebanyak 51.9%. Pelajar yang menghafaz juzuk lapan belas ke atas pula adalah seramai empat orang iaitu sebanyak 1.9%. Seorang pelajar didapati tidak memasukkan maklumat pencapaian juzuk ini.

Soalan kajian 1: Apakah objektif mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

Analisis data bagi penilaian konteks yang meliputi objektif mata pelajaran Hifz al-Quran menunjukkan daripada kesemua item, peratus seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Objektif Mata Pelajaran Hifz al-Quran

No	Item	f	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P
		&	%	%	%	%	%		
		% %							
1	Kemahiran membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid tanpa melihat mushaf al-Quran	4 (1.9)	4 (1.9)	16 (7.6)	71 (33.8)	115 (54.8)		4.38	.856
2	Kemahiran mengeluarkan ayat berdasarkan tajuk (fiqhul ayat) BUKAN objektif menghafaz al-Quran	63 (30.0)	52 (24.8)	50 (23.8)	33 (15.7)	11 (5.2)		3.59	1.218
3	Objektif mata pelajaran Hifz al-Quran dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum	5 (2.4)	11 (5.2)	41 (19.5)	95 (45.2)	57 (27.1)		3.90	.943
	Perlaksanaan Hifz al-Quran secara bersistem								

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

	dapat melahirkan modal insan yang menguasai asas ilmu agama dan bahasa arab sebagai persediaan untuk menjadi huffaz yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik	1 (0.5)	4 (1.9)	7 (3.3)	59 (28.1)	139 (66.2)	4.58	.696
--	--	------------	------------	------------	--------------	---------------	------	------

Berdasarkan Jadual 4, Min item-item yang berada pada tahap tinggi (4.00 hingga 5.00) adalah item 4 dan 7. Bagi item 4, nilai Min yang diperolehi ialah 4.38 di mana seramai 115 orang responden (54.8%) setuju dengan kenyataan salah satu objektif mata pelajaran Hifz al-Quran sebagai kemahiran membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid tanpa melihat mushaf al-Quran, manakala seramai 16 orang responden (7.6%) kurang setuju dan seramai 71 orang responden (33.8%) menyokong dengan setuju, seterusnya 4 orang responden (1.9%) tidak setuju dan sangat tidak setuju untuk pernyataan ini. Bagi item 7 pula, nilai Min yang diperolehi ialah 4.58. 139 orang responden (66.2%) sangat setuju dengan pernyataan “Perlaksanaan Hifz al-Quran secara bersistem dapat melahirkan modal insan yang menguasai asas ilmu agama dan bahasa arab sebagai persediaan untuk menjadi huffaz yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik”, manakala 59 orang responden (28.1%) setuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 7 orang responden (3.3%) kurang setuju dengan kenyataan tersebut manakala hanya 4 orang responden (1.9%) tidak setuju dan seorang responden (0.5%) sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut.

Soalan kajian 2: Sejauh manakah keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

Analisis data bagi penilaian konteks yang meliputi keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran menunjukkan daripada kesemua item, peratus seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Keperluan Mata Pelajaran Hifz al-Quran

5	Menghafaz al-Quran merupakan salah satu komponen utama dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab.	0 (0)	0 (0)	6 (2.9)	60 (28.6)	143 (68.1)	4.66	.533
6	Kurikulum Hifz al-Quran diwujudkan seiring dengan Falsafah Pendidikan Islam	1 (0.5)	0 (0)	31 (14.8)	90 (42.9)	87 (41.1)	4.25	.739

7	Keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran TIDAK dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab	41 (19.5)	54 (25.7)	66 (31.4)	37 (17.6)	12 (5.7)	3.36	1.15 0
---	---	--------------	--------------	--------------	--------------	-------------	------	-----------

Jadual 5 menunjukkan analisis data bagi penilaian konteks yang meliputi keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran. Hasil dapatan menunjukkan daripada kesemua item, peratus paling tinggi adalah pada item yang pertama iaitu seramai 143 orang (68.1%) sangat bersetuju dengan pernyataan “Menghafaz al-Quran merupakan salah satu komponen utama dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab”. Manakala peratus paling rendah adalah pada item yang kedua hanya seorang (0.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi iaitu di antara 3.36 hingga 4.66. Ini menunjukkan kefahaman yang tinggi di kalangan pelajar tentang keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran ini pada mereka. Dapatkan juga menunjukkan tentang kefahaman pelajar tentang keperluan mata pelajaran ini sangat baik di mana hanya 12 orang (5.7%) yang bersetuju dengan pernyataan “Keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran tidak dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab”.

Soalan kajian 3: Sejauh manakah kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

Analisis data bagi penilaian konteks yang meliputi kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran menunjukkan daripada kesemua item, peratus seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Kesesuaian Kurikulum Mata Pelajaran Hifz al-Quran dengan Keperluan Pendidikan Tahfiz.

No	Item	f	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P
		&	%	%	%	%	%		
								4.46	.580
8	Pembentukan pelajar yang quranik sesuai dengan keperluan pendidikan tahfiz al-Quran	0 (0)	0 (0)	9 (4.3)	95 (45.2)	105 (50.0)			
9	Melahirkan qurra' yang mahir dengan beberapa bacaan qiraat sesuai dengan objektif pendidikan tahfiz	1 (0.5)	6 (2.9)	29 (13.8)	94 (44.8)	79 (37.6)	4.17	.806	

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

10	Melahirkan pendakwah TIDAK sesuai dengan objektif mata pelajaran Hifz al-Quran	102 (48.6)	57 (27.1)	30 (14.3)	17 (8.1)	1 (0.5)	4.17	.993
----	---	---------------	--------------	--------------	-------------	------------	------	------

Berdasarkan Jadual 6, kesemua Min item berada pada tahap yang tinggi (4.17- 4.46). Bagi item 8, Min yang diperolehi ialah 4.46 di mana seramai 105 orang responden (50.0%) sangat setuju dengan pernyataan “Pembentukan pelajar yang quranik sesuai dengan keperluan pendidikan tafhiz al-Quran”, manakala seramai 95 orang responden (45.2%) setuju, dan seramai 9 orang responden (4.3%) kurang setuju dengan pernyataan ini. Bagi item 9 dan 10, Min yang diperolehi adalah sama iaitu 4.17. Seramai 102 orang responden (48.6%) sangat tidak setuju dengan pernyataan “Melahirkan pendakwah tidak sesuai dengan objektif mata pelajaran Hifz al-Quran, manakala 17 orang responden (8.1%) setuju, dan hanya seorang saja responden (1.5%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kajian penilaian terhadap pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran dapat memberi gambaran sebenar terhadap kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Kajian ini mengfokuskan kepada pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini kepada tiga komponen yang merangkumi objektif mata pelajaran Hifz al-Quran, keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran dan kesesuaian kurikulum mata pelajaran Hifz al-Quran dengan keperluan pendidikan tafhiz.

Perbincangan ini merangkumi tiga komponen utama iaitu objektif mata pelajaran Hifz al-Quran, keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran dan kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran. Dapatkan keseluruhan menunjukkan bahawa Min keseluruhan berada pada tahap tinggi (4.15). Ini menunjukkan secara umumnya, pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini hampir memenuhi objektif, keperluan dan kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran dengan keperluan pendidikan tafhiz. Dapatkan positif menunjukkan 139 orang responden (66.2%) sangat bersetuju dengan pelaksanaan mata pelajaran ini. Penilaian konteks berperanan dalam melihat sejauhmana objektif sesuatu kurikulum menepati keperluan persekitaran dan bersesuaian dengan komuniti. Kejayaan sistem pendidikan bergantung sepenuhnya kepada kejayaan sesuatu kurikulum (Ishak 2003). Oleh itu penetapan objektif perlu mengambil kira keperluan semasa dan keperluan jangka panjang pelajar dan masyarakat.

Dapatkan kajian menunjukkan keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran harus dinyatakan dengan lebih jelas lagi kerana bacaan Min berada pada tahap sederhana tinggi (3.36). Dapatkan menunjukkan bahawa keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran ini kurang diperjelaskan dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Oleh yang demikian keperluan-keperluan ini perlu dinyatakan secara jelas dan terperinci di dalam kurikulum tafhiz dan difahami serta mendapat kerjasama yang baik daripada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan mata pelajaran ini.

Walaubagaimanapun objektif, keperluan dan kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) ini seharusnya distruktur semula agar lebih tersusun dan terperinci serta dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum supaya ianya difahami oleh pelaksana kurikulum tersebut.

Dapatkan kajian turut menunjukkan beberapa kelemahan yang ketara di dalam elemen pelaksanaan. Kelemahan ini perlu dikenalpasti dan diteliti secara mendalam agar langkah penyelesaian dapat diatasi dengan segera. Perbincangan dapatan kajian ini bukanlah bertujuan untuk meletakkan mana-mana pihak yang terlibat bertanggungjawab terhadap kelemahan dan kekuatan dalam pelaksanaan kurikulum ini. Dapatkan ini sebenarnya memberi satu gambaran jelas tentang hakikat sebenar tentang pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Ianya akan menjadi pedoman dan panduan untuk penggubal kurikulum tahfiz dan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum ini agar merancang tindakan dan menggubal pelaksanaan kurikulum ini ke arah yang lebih baik agar mereka dapat memastikan sistem pendidikan tahfiz negara dapat melahirkan para huffaz yang berkualiti tinggi dan berketerampilan sekaligus memenuhi keperluan dan peranannya dalam masyarakat dan negara.

IMPLIKASI

Dalam penilaian konteks pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini, mendapati bahawa secara umumnya, dapatan kajian berada pada tahap yang seimbang. Pelajar dilihat secara holistiknya memahami asas keperluan dan kepentingan mata pelajaran ini terhadap diri masing-masing. Pelajar juga memahami objektif mata pelajaran ini dengan baik. Keputusan ini membawa implikasi bahawa konstruk ini hanya memerlukan perubahan kecil untuk mengekalkan keseimbangan yang sedia ada dalam sesuatu program. Ini bermaksud aspek keperluan, objektif mata pelajaran dan kesesuaian kurikulum dengan keperluan tahfiz hanya memerlukan kepada pemurnian dan perubahan kecil sebagai elemen nilai tambah kepada konstruk ini. Contohnya, objektif mata pelajaran Hifz al-Quran ini disusun semula supaya mempunyai kesinambungan pengajaran dan pembelajaran yang baik.

CADANGAN

Dicadangkan kajian lanjutan dilakukan untuk mengkaji perbandingan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Modul Quranik Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Objektif kajian untuk melihat kekuatan dan kelemahan kedua-dua kurikulum dan program ini. Dapatkan kajian dapat diterokai dengan lebih mendalam dan terperinci serta permasalahan di dalam pendidikan tahfiz dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Pelaksanaan tahfiz al-Quran diperluaskan kepada institusi tahfiz yang tidak menggunakan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti maahad tahfiz swasta, institut tahfiz negeri dan sekolah-sekolah tahfiz yang menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam menghafaz al-Quran. Kajian perbandingan di antara institusi ini dapat dilakukan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan di antara kaedah dan pendekatan yang digunakan. Kekuatan yang didapati dapat dimanfaatkan bersama dan kelemahan yang dikenalpasti diatasi sebaik mungkin dalam mempertingkatkan pendidikan tahfiz demi memperkasakan pendidikan tahfiz di dalam negara.

KESIMPULAN

Tuntutan perubahan yang dihasratkan oleh kerajaan ini khususnya telah membawa kepada pemerkasaan kurikulum tahfiz di Malaysia. Secara tidak langsung, nilai tambah ini telah membawa kepada kewujudan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Abab (TMUA). Pelaksanaan kurikulum ini

MEMPERKASA GENERASI PENGHAFAZ AL-QURAN

dilihat sebagai usaha serius kerajaan dalam membudayakan kehidupan quranik dalam kalangan anak muda sekarang.

Akhir sekali, usaha memperkasakan mata pelajaran Hifz al-Quran ini harus diberi penekanan yang serius supaya hasrat kerajaan dan masyarakat amnya untuk melihat generasi muda yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik dapat direalisasikan setelah pelajar melalui proses kurikulum tahfiz yang dibina ini. Adalah menjadi harapan pengkaji dan seluruh masyarakat untuk melihat hasil produk yang berkualiti melalui pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini menjadi realiti. Insya Allah.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2005). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Tahfiz di Institusi Tahfiz di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Malaysia: Mc. Graw Hill Sdn Bhd.
- Daniel L .Stuffelbeam and Anthony, J.Shinkfield. (1984). *Syctematic Evalution: A Self Intructional Guide to Theory and Practice*. Boston: Kluwer-Nojhoff Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bilangan 1.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*, 30: 608-619
- Laporan Penaziran Akademik KPM, 2015. *Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). *Hubungan Antara Kaedah Menghafaz al-Quran Dengan Pencapaian Kursus Tahfiz wal Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhaidi Mustaffa, (2010), *Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan pelajar di Maahad Tahfiz Pulai Chondong*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Norhazriah (2012), *Tranformasi program Ulul Albab di Sekolah Menengah Imtiyaz, Terengganu*.
- Nunally, J. C. (1978). *Psycometric theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.
- Rabi'atul Athirah Muhamad Isa, (2016). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nunally, J. C. (1978). *Psycometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company

ISBN



9 789834 370817